

**OPR tidak berubah
Utusan Online
November 10, 2011**

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka tidak akan menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR,) sebaliknya mengekalkan kadar sedia ada iaitu 3.00 peratus.

Beberapa penganalisis ekonomi yakin Bank Pusat itu akan mengekalkan kadar semasa kerana ekonomi negara masih kekal kondusif untuk menyokong permintaan domestik.

Ketua Ekonomi Kumpulan RAM Holdings Bhd., Dr. Yeah Kim Leng berkata, adalah terlalu awal untuk menjangkakan penurunan OPR kerana inflasi masih tinggi dan kecairan dalam pinjaman bank juga kukuh bagi ekonomi dan perniagaan.

"Saya menjangkakan BNM akan sentiasa memantau dan melihat situasi semasa sehingga akhir tahun ini.

"Setakat ini tiada keperluan untuk menurunkan OPR tetapi sekiranya ketidaktentuan ekonomi semakin buruk, penurunan (OPR) mungkin berlaku.

"Apa-apa pun, sebarang perubahan saya jangkakan boleh kita lihat pada separuh pertama 2012," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari BNM dijangka diadakan pada Jumaat ini.

Sementara itu, Ketua Ekonomi Bank Islam (M) Bhd., Azrul Azwa Ahmad Tajudin juga menjangkakan BNM akan mengekalkan OPR semasa memandangkan ekonomi global masih tidak menentu dan sukar diramalkan.

Jelasnya, biarpun keadaan ekonomi global tidak menentu tetapi ekonomi domestik masih kekal stabil.

"Meskipun data-data ekonomi menunjukkan petunjuk positif tetapi BNM mengambil langkah berhati-hati.

"Ini kerana ekonomi negara masih bergantung kepada eksport dan permintaan daripada ekonomi negara maju masih tidak menentu," ujarinya.

Pengarah Jupiter Research, Nazzary Rosli berkata, kadar OPR yang ada sekarang adalah yang terbaik dan sesuai bagi pertumbuhan ekonomi negara dan inflasi.

"Kami berpendapat Bank Pusat akan memberi pertimbangan teliti mengenai usaha-usaha yang boleh memberi kesan terhadap keseimbangan, tambahan pula kadar inflasi ketika ini masih tinggi," katanya.

Tambah Nazzary, bersandarkan kepada situasi pasaran ketika ini, BNM tidak mempunyai sebab untuk menurun atau menaikkan kadar faedah dan OPR dijangka kekal pada paras tersebut untuk beberapa ketika.

BNM telah mengekalkan OPR sejak bulan September dan Julai, selepas menaikannya sebanyak 25 mata asas pada Mei lalu.

Bank Pusat telah menaikkan kadar OPR sebanyak 75 mata asas sebanyak tiga kali pada tahun lalu selepas mempertahankan 2.00 peratus sejak Februari 2009.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1110&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm